

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



BULETIN JTK SARAWAK

EDISI 21

JULAI - DISEMBER 2019



KANDUNGAN

DARI MEJA KETUA EDITOR	03
PERUTUSAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK	04
AKTIVITI RASMI JABATAN	05 - 25
AKTIVITI KELAB	26 - 27
INFO ICT	28
INFO WARGA	29 - 33
PENCAPAIAN	34
MUTIARA KATA	35

SIDANG EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail
Ketua Editor

Encik Ewim @ Ewin
anak Micheal Sinar
Editor

Puan Tan Hui Mien
Urus Setia

Puan Santi Ande
Urus Setia

Encik Jeffrey Douglas
anak William Nagun
Ahli Sidang Editor

Puan Kartini
anak Anthony Juan
Ahli Sidang Editor

Puan Zaynullita
binti Dhahman Bujang
Ahli Sidang Editor

Puan Sapinah binti
Mohamad Ibrahim
Ahli Sidang Editor

Encik Mohamad
Shahrudin bin Zaidil
Ahli Sidang Editor

Encik Wahid bin Olen
Ahli Sidang Editor

Encik Hayden anak Laie
Jurugambar

Puan Norhafizah
binti Ismail
Ahli Sidang Editor

Encik Kipli bin Dollah
Jurugambar

DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt,
Salam sejahtera,

Tanpa kita sedari, masa cepat berlalu dan kini kita telah pun melangkah ke tahun 2020. Saya mengucapkan selamat tahun baharu kepada semua pembaca yang budiman.

Tahniah atas segala pencapaian yang baik pada tahun 2019. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan tahniah atas kejayaan Buletin JTK Sarawak Edisi Ke-17 yang menggapai Anugerah Citra Buletin Jabatan 2017/2018 Kategori Gangsa dalam Majlis Anugerah Tinta Kenyalang 2019 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak pada 29 November 2019 kepada Sidang Editor buletin ini. Saya percaya tujuan kita menyertai anugerah ini adalah untuk mengukur tahap penguasaan dan penggunaan Bahasa Malaysia warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Sarawak khususnya dalam bentuk penerbitan, seperti buletin ini.

Bagi saya, ini merupakan satu peningkatan setelah kita hanya mendapat sagu hati untuk Buletin JTK Sarawak Edisi Ke-15 pada tahun 2017 dalam acara yang sama. Saya kira wajar kita menjadikan perkara ini sebagai penanda aras pencapaian kita dalam menguasai dan menggunakan Bahasa Malaysia di peringkat Jabatan. Semoga penguasaan Bahasa Malaysia kita akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa, tanpa melupakan kepentingan Bahasa Inggeris.

Dalam edisi Buletin kali ini, kita akan menyajikan program-program dan aktiviti-aktiviti yang berlangsung antara bulan Julai dan Disember 2019 buat tatapan semua. Adalah penting bagi setiap program, aktiviti dan peristiwa dirakamkan dan dicatatkan agar ianya terpahat dalam lipatan sejarah Jabatan untuk tatapan warga Jabatan di masa hadapan.

Akhir kata, harapan kami semoga tahun 2020 ini akan lebih baik dan lebih gemilang daripada tahun sebelumnya. Selamat membaca dan selamat maju jaya.

Sulaiman bin Ismail
Ketua Editor



PERUTUSAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Selamat bersua sekali lagi dalam Edisi Ke-21 Buletin JTK Sarawak ini.

Mungkin tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2020 kepada semua pegawai dan staf Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan pembaca budiman. Semoga tahun ini akan memberikan lebih kemakmuran bersama-sama dan kesejahteraan kepada kita semua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Sarawak kerana pencapaian cemerlang dalam melaksanakan segala program dan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun 2019 yang baru sahaja berlalu. Saya percaya ini semua adalah kerana berkat kerjasama tuan/puan semua dalam menjalankan tugas yang telah

diamanahkan. Saya berharap kerjasama sepasukan yang telah ditunjukkan akan dapat dikekalkan atau dipertingkatkan lagi pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang.

Jabatan kita sedang berusaha gigih untuk meningkatkan imej kita sebagai sebuah jabatan penguatkuasaan yang berwibawa dan penuh berintegriti dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita semua. Ayuh kita mengorak langkah ke arah itu dengan penuh keazaman dan tekad yang murni.

Dari segi penguasaan bahasa terutamanya bagi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, saya amat berharap semua pegawai dan staf Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan terus berusaha untuk mempertingkatkan. Marilah kita bersama-sama memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuh bahasa Inggeris dan mengetahui sedikit sebanyak bahasa kaum-kaum utama di negeri Sarawak seperti bahasa Mandarin, Iban dan Bidayuh. Ini amat penting bagi kita sebagai sebuah Jabatan yang sering berurusan dengan orang awam dan menguatkuasakan undang-undang perburuhan di negeri Sarawak.

Bagi saya, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa kaum-kaum utama di negeri Sarawak akan memberi kesan dalam penguatkuasaan undang-undang dan segala aspek yang berkaitan dengannya. Banyak ilmu seperti tentang perkembangan dunia dan kaitannya dengan Revolusi Industri 4.0 dan sekarang negara kita mula melangkah ke Revolusi Industri 5.0 dan ilmu-ilmu pengetahuan yang lain perlu kita fahami dengan mendalam supaya kita dan negara kita tidak ketinggalan.

Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa kebangsaan kita pula memang sudah semestinya perlu kita kuasai. Ia merupakan jati diri bagi rakyat dan negara kita yang merdeka dan berdaulat. Ia mempunyai kedudukan atau martabat dan peranannya yang tersendiri dan istimewa.

Sehubungan dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ketua Editor dan Sidang Editor Buletin JTK Sarawak Edisi Ke-21 yang telah meraih Anugerah Citra Buletin Jabatan 2017/2018 Kategori Gangsa dalam Majlis Anugerah Tinta Kenyalang 2019 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak pada 29 November 2019. Pada tahun 2017, Buletin JTK Sarawak Edisi Ke-15 juga pernah memenangi sagu hati dalam majlis serupa. Semoga semua warga kerja Jabatan kita akan terus berusaha meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia mereka di samping berusaha lebih gigih untuk menguasai bahasa Inggeris.

Saya juga ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada pegawai dan staf baharu yang baru menyertai keluarga besar kita. Kepada mereka yang mendapat kenaikan pangkat pula, selamat maju jaya dan teruskan perkhidmatan dengan penuh berintegriti dan cemerlang.

Kepada semua pembaca budiman, selamat membaca dan semoga perkongsian dalam buletin ini dapat dimanfaatkan bersama-sama.

AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR
Pengarah Tenaga Kerja Sarawak



Kursus Penyediaan Kertas Siasatan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak 2019

Kursus ini diadakan dalam 2 siri iaitu siri 1 pada 3 Julai hingga 5 Julai 2019 dan siri 2 pada 10 Julai hingga 12 Julai 2019 yang bertempat di Harbour View Hotel Kuching. Siri 1 seramai 36 orang pegawai dan siri 2 seramai 35 orang pegawai yang mengikuti kursus ini.

Ceramah disampaikan oleh Penasihat Undang-undang Jabatan iaitu Puan Kong Siew Chou dan dibantu oleh Puan Nur Huda binti Mohammad Imran, Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S44. Antara objektif kursus ini adalah seperti berikut:-

- (1) memberikan pengetahuan dan pendedahan intensif kepada peserta baru dan memantapkan lagi pengetahuan peserta yang pernah mengikuti kursus sebelum ini berkenaan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas dengan berkesan;
- (2) mendedahkan secara terperinci kepada pegawai bagaimana kertas siasatan disediakan dari segi siasatan di tempat kejadian, rakaman percakapan, pengumpulan bukti dan sebagainya; dan
- (3) memberikan pendedahan kepada para pegawai berkenaan dengan undang-undang seperti Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah.

Dalam kursus ini, para peserta didedahkan dengan latihan amali bagi menyiapkan kertas siasatan mengikut arahan dan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Unit Undang-Undang Jabatan.



JOB FAIR @ UTC 6.0



Program Job Fair @ UTC 6.0 yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diadakan pada 6 Julai 2019 dengan jayanya. Objektif utama program ini adalah untuk:-

(i) menyediakan kemudahan sebagai 'One-Stop Centre' di mana para majikan boleh mengadakan temuduga pencari kerja secara terbuka bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mereka; dan

(ii) menyediakan kemudahan di mana para pencari kerja boleh mendaftar secara atas talian atau *online* dalam portal JobsMalaysia.

Seramai 20 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 1,324 kekosongan jawatan. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 779 orang dan seramai 118 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 2,632 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



Bengkel Peningkatan Kemahiran Daya Tahan Kendiri

Pada 8 hingga 9 Julai 2019, satu kursus telah dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak iaitu Kursus Peningkatan Daya Tahan Kendiri di Hotel Harbour View, Kuching. Kursus ini dihadiri oleh 35 orang Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19 hingga S26.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap kemahiran daya tahan sendiri di kalangan Pembantu Perhubungan Perusahaan dalam menjalankan tugas seharian yang melibatkan kemahiran berkomunikasi dengan pelbagai peringkat *client* khususnya pencari kerja dan majikan terutamanya perkara yang berkaitan dengan kerjaya dan hala tuju sesebuah kerjaya.

Kursus ini adalah kesinambungan Kursus Pembangunan Profesionalisme & Kemahiran Kendiri yang telah diadakan pada 4 hingga 6 September 2018 bertempat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kota Samarahan. Namun demikian, kursus kali ini lebih kepada penekanan dalam berbahasa Inggeris dalam kalangan peserta kursus.

Penceramah-penceramah bagi kursus ini adalah pensyarah daripada UNIMAS iaitu Encik Awang Ideris bin Awang Daud, Puan Farida binti Abdul Halim dan Puan Siti Haslina binti Hussin. Kaedah-kaedah yang digunakan semasa kursus ialah ceramah, soal jawab, lakonan peranan dan perbincangan serta pembentangan dalam kumpulan.



Program Karnival Kerjaya Peringkat Bahagian Kuching



Program Karnival Kerjaya (PKK) Peringkat Bahagian Kuching Tahun 2019 telah diadakan pada 20 Julai 2019 bertempat di Dewan Masyarakat Siniawan, Bau, Kuching telah berlangsung dengan jayanya. Program ini telah dihadiri Yang Berhormat Willie Mongin, Ahli Parlimen P198 Puncak Borneo dengan menyempurnakan lawatan secara "walk about" dan diiringi oleh Puan Jamilah binti Putit, Encik Dedua anak Taim @ Tiam serta pegawai kanan Jabatan. Program seumpama ini akan diteruskan sebagai platform kepada para belia dan khususnya pencari kerja bagi merebut peluang pekerjaan yang telah disediakan pada hari tersebut. Program ini juga tidak hanya tertumpu di kawasan bandar malah akan melibatkan juga penganjuran di kawasan luar bandar.

Sebanyak 20 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan 1,770 peluang pekerjaan kepada para pencari kerja. Seramai 427 orang pencari kerja telah ditemuduga pada hari tersebut dan seramai 136 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 625 orang pengunjung yang hadir ke program ini.





Persidangan Pertengahan Penggal Tahun 2019 Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah mengadakan Persidangan Pertengahan Penggal Tahun 2019 pada 6hb hingga 8hb Ogos 2019 bertempat di UCSI Hotel Kuching. Seramai 43 orang pegawai daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri persidangan ini. Antara objektif persidangan ini diadakan adalah untuk:-

- (i) membentangkan pencapaian SKT yang telah dirancang setakat Januari hingga Julai 2019;
- (ii) membuat kajian semula terhadap sasaran yang telah dirancang tetapi belum dilaksanakan sepenuhnya; dan
- (iii) mengenalpasti perkara dan isu yang boleh ditambahbaik untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta mengambil pandangan, cadangan dan pendapat yang diusulkan.



KENYALANG 3.0

DAN PROGRAM KARNIVAL KERJAYA

PERINGKAT BAHAGIAN SAMARAHAN

Jelajah Kerjaya Kenyalang 3.0 Tahun 2019

Ucapan Aluan oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

Penyerahan bendera pelepasan oleh YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar kepada Encik Awang Raduan bin Awang Omar

Ucapan Perasmian oleh YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia

MAJLIS PERASMIAN PELEPASAN KONVOI JELAJAH KERJAYA KENYALANG 3.0 DAN PROGRAM KARNIVAL KERJAYA BAHAGIAN SAMARAHAN PADA 14 OGOS 2019 DI SUMMER SHOPPING MALL, KOTA SAMARAHAN

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak meneruskan usaha untuk membantu pencari kerja mencari pekerjaan dengan sekali lagi menganjurkan Jelajah Kerjaya Kenyalang (JKK) 3.0 bermula pada 14 hingga 20 Ogos 2019. Konsep konvoi ke lokasi-lokasi yang telah ditetapkan masih diteruskan. JKK 3.0 pada kali ini memulakan perjalanan dari Kota Samarahan, kemudiannya ke Betong, seterusnya ke Sibu dan lokasi terakhir ialah Miri.

Sempena dengan JKK 3.0 tersebut, dianjurkan Program Karnival Kerjaya (PKK) di 4 buah lokasi tersebut iaitu Kota Samarahan pada 14 Ogos 2019, Betong pada 15 Ogos 2019, Sibu pada 17 Ogos 2019 dan Miri pada 19 Ogos 2019. Upacara perasmian dan pelepasan konvoi telah diadakan di Summer Shopping Mall, Kota Samarahan pada 14 Ogos 2019 dengan disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Konvoi pada kali ini diketuai oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan disertai oleh 14 buah kenderaan dengan 36 Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan disertai oleh 14 buah kenderaan dengan 36 orang peserta. Pada kali ini, konvoi disertai oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) iaitu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Samarahan dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH), manakala majikan pula ialah Ambang Wira Sdn Berhad, Agensi Pekerjaan Yukim Sdn Bhd dan Press Metal Berhad. Turut serta ialah Polis Diraja Malaysia daripada Bahagian Trafik Ibu Pejabat Kuching.

Selain daripada penganjuran PKK, konvoi kali ini turut mengadakan aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR) di Surau Darul Saa'dah Sarikei dan juga Bintulu. Aktiviti CSR di Sarikei telah diadakan pada 16 Ogos 2019 iaitu aktiviti gotong royong membersihkan surau dan juga penyampaian sumbangan oleh peserta konvoi kepada AJK Surau. CSR di Bintulu pula diadakan dengan kerjasama dengan pihak PERKESO iaitu penyampaian sumbangan kepada 3 orang penerima bantuan PERKESO di sekitar bandar Bintulu.

Aktiviti-aktiviti lain yang turut diadakan adalah seperti pendaftaran JobsMalaysia secara atas talian, ceramah kerjaya kepada orang kurang upaya (OKU), pameran dan perkhidmatan terus oleh Jabatan dan Agensi di bawah KSM, pameran oleh pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kaunter pendaftaran OKU oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) dan saringan kesihatan oleh pihak Pejabat / Klinik Kesihatan tempatan.



Taklimat sebelum perjalanan oleh Pihak Polis Diraja Malaysia



Formasi kenderaan konvoi dari Kota Samarahan ke Betong



Lawatan ke tapak PKK oleh YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar



Pelepasan konvoi oleh YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar bersama-sama dengan Encik Sulaiman bin Ismail dan wakil Residen Samarahan



Ceramah Kerjaya kepada orang kurang upaya



Petugas sedang mendaftarkan pencari kerja dalam sistem pengurusan temuduga



YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar meletakkan tanda nama Kota Samarahan di atas peta jelajah sebagai simbolik permulaan perjalanan konvoi

PROGRAM KARNIVAL KERJAYA BAHAGIAN BETONG PADA 15 OGOS 2019 DI DEWAN RENTAP, BETONG



Penyampaian hadiah kepada majikan yang menyertai PKK Bahagian Betong



Salah seorang pencari kerja sedang ditemuduga oleh majikan



Penyampaian sijil penghargaan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Betong



Peserta konvoi bergambar di hadapan Dewan Panglima Rentap, Betong



Wakil Residen Betong, Encik Sofhi bin Jebal melekatkan tanda nama Betong sebagai simbolik kepada persinggahan peserta konvoi di Bahagian Betong



Encik Awang Raduan bin Awang Omar membuat saringan kesihatan yang dikendalikan oleh petugas Pejabat Kesihatan Betong

Program	:	Karnival Kerjaya Bahagian Samarahan	Karnival Kerjaya Bahagian Betong	Karnival Kerjaya Bahagian Sibul	Karnival Kerjaya Bahagian Miri
Tarikh	:	14 Ogos 2019	15 Ogos 2019	17 Ogos 2019	19 Ogos 2019
Lokasi	:	Summer Shopping Mall, Kota Samarahan	Dewan Panglima Rentap, Betong	Dewan Kompleks Islam Baitulmal, Sibul	Stadium Tertutup Miri
Bilangan Majikan Terlibat	:	21	18	25	29
Bilangan Kekosongan Jawatan Yang ditawarkan	:	1,820	1,405	963	2,028
Bilangan Pencari Kerja Yang ditemuduga	:	636 orang	438 orang	532 orang	1,346 orang
Bilangan Pencari Kerja yang ditempatkan	:	307 orang	88 orang	176 orang	314 orang
Bilangan pengunjung	:	1,291 orang	1,068 orang	1,242 orang	3,300 orang

PROGRAM CSR PADA 16 OGOS 2019 DI SURAU DARUL SAA'DAH, SARIKEI



Encik Awang Raduan bin Awang Omar menanam pokok sebagai simbolik CSR di Surau Darul Saa'dah, Sarikei



Peserta-peserta konvoi melakukan aktiviti pembersihan di sekitar surau



Peserta-peserta konvoi bersama AJK Surau Darul Saa'dah, Sarikei



Penyampaian Sumbangan kepada surau oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar kepada pengerusi Surau Darul Saa'dah, Sarikei

PROGRAM KARNIVAL KERJAYA BAHAGIAN SIBU PADA 17 OGOS 2019 DI DEWAN KOMPLEKS ISLAM BAITULMAL, SIBU



Wakil Residen Sibu, Puan Cynthia Ong melekatkan tanda nama Sibu sebagai simbolik kepada persinggahan peserta konvoi di Sibu



Puan Cynthia Ong menyampaikan sijil kepada salah sebuah majikan yang terlibat dalam PKK



Kaunter Pertanyaan untuk perkhidmatan di bawah NIOSH yang menyertai konvoi



Encik Awang Raduan bin Awang Omar melawat ke booth sesi temuduga oleh majikan



Peserta konvoi bergambar beramai-ramai di hadapan Dewan Kompleks Islam Baitulmal, Sibu sebelum bertolak ke Bintulu



Peserta konvoi berhenti di Espalane Balingian untuk berehat sebelum meneruskan perjalanan ke Bintulu

PROGRAM CSR BERSAMA PERKESO PADA 18 OGOS 2019 DI BANDAR BINTULU



Encik Awang Raduan bin Awang Omar ketika ditemuramah oleh RTM sebelum penyerahan sumbangan kepada penerima bantuan PERKESO



Penyerahan cek kepada penerima bantuan PERKESO



Penyerahan sumbangan kepada penerima bantuan PERKESO oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar



Peserta konvoi meneruskan perjalanan ke Miri sebagai destinasi terakhir

PROGRAM KARNIVAL KERJAYA BAHAGIAN MIRI PADA 19 OGOS 2019 DI STADIUM TERTUTUP MIRI



Encik Awang Raduan bin Awang Omar membuat lawatan bersama wakil Residen Miri, Encik Ezra Uda dan bertemu dengan pencari kerja yang sedang menunggu giliran untuk ditemuduga



Peserta konvoi bergambar di hadapan Stadium Tertutup Miri



Penyampaian sijil kepada salah seorang majikan yang menyertai PKK



Encik Awang Raduan bin Awang Omar sedang ditemuramah oleh RTM dan para media



Pencari kerja mendapatkan borang di kaunter borang yang terletak di bahagian luar stadium



Pencari kerja sedang menunggu untuk mendapatkan giliran temuduga menggunakan sistem pengurusan temuduga

Sesi User Acceptance Testing (UAT) bagi Penambahbaikan Monitoring System on Employment of Non-Sarawakians (MSEN)



Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak telah menganjurkan sesi UAT bagi penambahbaikan MSEN bersama-sama dengan Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri dan Sarawak Information Systems Sdn Bhd (SAINS) yang bertempat di Bilik Mesyuarat, JTK Sarawak, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching pada 26 Ogos 2019 dan bermula dari pukul 9 pagi sehingga 5 petang.

Penglibatan pengguna-pengguna akhir adalah seramai 18 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin, Bahagian Penyelidikan dan Maklumat serta Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Kuching, Kota Samarahan, Serian, Sibul, Bintulu dan Miri.

Tujuan sesi ini dilaksanakan adalah untuk memastikan sistem yang telah dibangunkan mengikut keperluan dan Dokumen Spesifikasi Keperluan Sistem yang telah dipersetujui oleh pengguna. Sistem ini diuji mengikut skrip-skrif pengujian (UAT Test Script) yang telah disediakan oleh pihak SAINS. Modul yang terlibat adalah modul majikan, modul PTK, modul Ibu Pejabat dan modul laporan.

Lawatan Kerja Berhubung Pelaksanaan Sistem eZLabourcase

JTK sedang dalam tindakan membangunkan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) yang merangkumi pelaksanaan aktiviti di JTK dan juga merangkumi integrasi di antara sistem sedia ada. Justeru, sebagai pendedahan awal berkaitan Sistem eZLabourcase yang digunakan oleh Jabatan ini, satu lawatan kerja oleh pegawai daripada JTK Semenanjung telah diadakan pada 27 Ogos 2019. Lawatan tersebut telah disambut oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bersama beberapa orang pegawai di Ibu Pejabat. Encik Dedua Taim @ Tiam, Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan Kuching, telah memberi taklimat berhubung pelaksanaan Sistem eZLabourcase kepada pegawai daripada JTK Semenanjung.



SESI BUSINESS PROCESS REENGINEERING (BPR) AS IS BAGI PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN PERBURUHAN BERSEPADU (SPPB) 31/8/2019 (SARAWAK)

JTK sedang dalam tindakan membangunkan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) yang merangkumi pelaksanaan aktiviti di JTK. Oleh itu, suatu sesi BPR – As Is telah diadakan pada 28 hingga 30 Ogos 2019 di Hotel Pullman, Kuching bersama dengan vendor pembangunan sistem ini. Seramai 22 orang pegawai daripada Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian, JTK Semenanjung dan Sarawak telah menyertai sesi ini.



TAKLIMAT PENVERIFIKASI STOR DAN PEMERIKSA ASET

Taklimat Penverifikasi Stor telah diadakan pada 27 Ogos 2019 di Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Bangunan Sultan Iskandar dan dihadiri oleh 12 orang pegawai penverifikasi stor Jabatan. Taklimat Pemeriksa Aset pula diadakan pada 28 Ogos 2019 di Bilik Mesyuarat JTK Sarawak dan dihadiri oleh 16 orang pegawai pemeriksa aset Jabatan. Penceramah jemputan bagi kedua-dua taklimat tersebut ialah Puan Edawaty binti Ehsan daripada Jabatan Kastam Negeri Sarawak.

Antara objektif utama taklimat ini adalah untuk:-

- (i) mendedahkan secara praktikal bagaimana pemeriksaan aset dan penverifikasi stor dilakukan; dan
- (ii) menerangkan tanggungjawab sebagai pemeriksa aset dan penverifikasi stor.



M. KULA BERTEMU PELANGGAN

Program M. Kula Bertemu Pelanggan adalah satu inisiatif Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang diadakan setiap hari Selasa bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Program ini bermula pada 15 Januari 2018 bertempat di KSM, Putrajaya. Program ini merupakan salah satu inisiatif KSM untuk mendengar, mengambil tindakan dan menyelesaikan segala permasalahan serta mengambil kira sebarang idea penambahbaikan mengenai pengurusan sumber manusia bagi memastikan kualiti hidup rakyat semakin meningkat.

Pada 17 September 2019, program ini telah diadakan di Stutong Community Market, Kuching. YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia dan Timbalannya, YB Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar serta para pegawai tertinggi KSM telah hadir bersama bertemu pelanggan semasa program ini. Sebanyak 12 Jabatan/Agensi yang bernaung di bawah KSM telah menyertai program ini untuk memberi khidmat nasihat kepada orang awam.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program ini berlangsung adalah seperti:-

- (1) khidmat nasihat berhubung hal-hal perburuhan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan majikan dan sekerja, keselamatan sosial kepada orang awam;
- (2) aktiviti pendaftaran di Portal JobsMalaysia khusus untuk pencari kerja dan majikan;
- (3) peluang-peluang latihan yang disediakan oleh agensi berkaitan; dan
- (4) kaunter pemeriksaan kesihatan untuk orang awam.





Kursus Pengendalian Kes Pendakwaan di Mahkamah bagi Jabatan Tenaga Kerja Sarawak 2019

Kursus ini telah diadakan dalam 2 siri iaitu Siri 1 pada 11 hingga 13 September 2019 bertempat di Parkcity Everly Hotel, Bintulu melibatkan seramai 42 orang pegawai dan Siri 2 pada 25 hingga 27 September 2019 bertempat di Greens Hotel & Suites, Bintulu melibatkan seramai 41 orang pegawai.

Penceramah jemputan yang menjayakan kedua-dua siri kursus tersebut ialah Tuan Ahmad Fariz bin Abdul Hamid, Timbalan Pendakwaraya dari Jabatan Peguam Negara Negeri Sarawak. Selain itu, Puan Stacey Mia anak Ngipa dari SAINS, Bintulu serta Puan Susan Chia Li Ming dan Puan Hafira binti Poji dari Mahkamah Kuching telah dijemput untuk memberi taklimat penggunaan sistem *e-filing* kepada para peserta kursus.

Selain daripada ceramah yang disampaikan, para peserta juga didedahkan dengan latihan amal seperti di mahkamah sebenar yang mana para peserta akan diberikan tugas untuk mengendalikan kes pendakwaan seperti di mahkamah sebenar.

Antara objektif kursus ini adalah seperti berikut:-

- (1) memberikan pengetahuan dan pendedahan intensif kepada peserta baru dan memantapkan lagi pengetahuan peserta yang pernah mengikuti kursus sebelum ini berkenaan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas dengan berkesan;
- (2) memberi pendedahan kepada para pegawai berkenaan dengan undang-undang seperti Akta Keterangan 1950 dan Kanun Tatacara Jenayah;
- (3) memberi pengetahuan kepada pegawai pendakwa mengenai tatacara yang betul untuk mengendalikan pendakwaan di mahkamah; dan
- (4) memberi latihan amal perbicaraan untuk pendedahan dan membina keyakinan diri sebagai pegawai pendakwa.





Bengkel Pemantapan Juruteknik ICT dan Wakil ICT

Bengkel ini telah diadakan pada 24 hingga 26 September 2019 di Greens Hotel & Suites, Bintulu dan dihadiri oleh 15 orang juruteknik dan wakil ICT daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Bahagian Sarawak. Penceramah yang menjayakan bengkel ini ialah Encik Mohd Tajuddin bin Abd Rashid dan dibantu oleh Encik Irwin Francis daripada Unit ICT Jabatan. Antara objektif bengkel ini adalah untuk:-

- (i) meningkatkan kemahiran peserta agar dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan; dan
- (ii) memberi pendedahan kepada peserta berhubung prosedur berkaitan ICT.



PROGRAM PERKONGESIAN ILMU "CHANGING MINDSET"

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan dua siri Program Perkongsian Ilmu "*Changing Mindset*". Siri pertama pada 9 hingga 10 Oktober 2019 bertempat di Greens Hotel & Suites, Bintulu yang melibatkan 28 orang Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred 41 hingga 44 daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian di Sarawak. Siri kedua pada 25 hingga 26 November 2019 bertempat di Hotel Seri Simanggang, Sri Aman yang dihadiri oleh 54 orang Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred 29 hingga 38 daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian di Sarawak.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk:-

- (i) memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotisme pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam;
- (ii) menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan; dan
- (iii) menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju.





BENGKEL PENSTRUKTURAN SEMULA DI JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

Bengkel ini dianjurkan bagi tujuan mengkaji semula penstrukturan organisasi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak bersesuaian dengan peningkatan skop fungsi dan penambahan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan. Melalui bengkel ini juga kajian dibuat bagi merancang dan mengawal selia pentadbiran dan operasi di setiap Bahagian di Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja (PTK).

Seramai 22 orang pegawai daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian telah menghadiri bengkel ini yang telah diadakan pada 18 hingga 20 Oktober 2019 di RH Hotel, Sibul. Antara objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk:-

- (i) memahami keadaan struktur organisasi terkini di Ibu Pejabat dan merangkumi pembahagian tugas berasaskan pengkhususan di setiap PTK;
- (ii) mengenal pasti faktor-faktor dinamik dalam penstrukturan organisasi meliputi aspek perancangan rasionalisasi dan penugasan semula perjawatan sedia ada;
- (iii) mempertimbangkan berbagai bentuk perubahan pada komponen struktur dan kelebihan, kekurangan serta kesan jangka panjang perubahan struktur Jabatan; dan
- (iv) memilih dan memahami struktur organisasi terbaik dengan penugasan semula perjawatan sedia ada melalui pindah butir serta keperluan semasa di JTK Sarawak.

PROGRAM KARNIVAL KERJAYA JOBSMALAYSIA 2.0 @ BINTULU

Pejabat Tenaga Kerja Bintulu telah mengadakan Program Karnival Kerjaya JobsMalaysia 2.0 @ Bintulu 2019 bertempat di Dewan Suarah Bintulu pada 22 Oktober 2019. Seramai 25 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan sebanyak 646 kekosongan jawatan kepada para pencari kerja. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 1,057 orang dan seramai 423 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 1,267 orang pengunjung telah hadir ke program ini.





Kursus Team Building Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

Kursus ini telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2019 bertempat di Borneo Tropical Rainforest, Miri. Seramai 61 orang pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini adalah salah satu program yang membolehkan dan menggalakkan pegawai dan kakitangan melakukan aktiviti riadah di samping meningkatkan lagi ikatan silaturahim warga kerja di sesebuah organisasi. Kursus berbentuk *team building* seperti ini dapat menambah daya kerjasama, kesepakatan dan toleransi antara pegawai dan kakitangan. Kolaborasi yang terhasil akan meningkatkan jati diri, kewibawaan, kepimpinan dan karisma peserta.

Antara objektif yang telah ditetapkan bagi kursus ini adalah untuk:-

- (i) memberi peluang peserta mengaplikasikan kemahiran sedia ada dalam bentuk persaingan sihat;
- (ii) memberi motivasi kepada semua kakitangan Jabatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti riadah;
